



Linggi dan Pergolakan Politik Sekitarnya

LATAR BELAKANG



ADA bulan Mac 1824 Perjanjian Inggeris-Belanda¹ telah ditandatangani di London. Tujuan utama perjanjian ini ialah untuk menyelesaikan masalah yang wujud antara kedua-dua buah negara tersebut dan merancang supaya risiko pertelingkahan pada masa hadapan antara kedua-dua buah negara menjadi paling minimum. Fasal-fasal yang dipersetujui melalui perjanjian itu terbahagi kepada dua kategori, iaitu wilayah dan perdagangan. Antara fasal yang berkaitan dengan wilayah ialah Belanda akan menyerahkan kepada British segala haknya di India dan juga 'pekan dan kota Melaka dan segala tanah takluknya' (Maxwell dan Gibson, 1924:11; Khoo Kay Kim, 1996:113). Dengan demikian, perjanjian ini telah menentukan garis sempadan antara wilayah Inggeris dan Belanda di Nusantara. Belanda telah menyerahkan Melaka dan 'wilayahnya' kepada Inggeris, dan berundur dari Semenanjung Tanah Melayu (Jonginder Singh Jessy, 1961:69). Ini bererti mulai tarikh itu Inggeris merupakan satu-satunya kuasa Eropah yang mempunyai tapak di Semenanjung Tanah Melayu (Cowan, 1961:9).

Dalam pertengahan pertama abad ke-19, pihak Inggeris, setidak-tidak pada lahirnya, menunjukkan sikap kurang berminat untuk meluaskan pengaruh ke atas negeri-negeri Melayu. Hampir lima puluh tahun, Inggeris tidak maju ke dalam negeri-negeri Melayu, walaupun ia boleh menggunakan Negeri-negeri Selat sebagai landasan untuk 'menakluki' negeri-negeri tersebut. Ini adalah kerana penubuhan Negeri-negeri Selat bukan untuk tujuan itu tetapi ialah sebagai pusat perdagangan luar pesisir. Polisi kerajaan British pada ketika itu ialah tidak melibatkan diri sedapat yang boleh dalam politik negeri-negeri Melayu di wilayah naungannya (Ryan, 1971:97).

Mungkin, kerana polisi Inggeris yang demikian ini membuatkan Emerson (1937) berkesimpulan bahawa mulai dari tahun 1824 hingga permulaan sistem Residen (1874), 'kegiatan imperialis' di Tanah Melayu 'boleh dikata-

kan dalam keadaan tenang' (Emerson, 1937, (1993):109). Pernyataan Emerson ini telah disangkal oleh Hall (1971). Bagi Hall, Inggeris masih aktif; hanya keaktifannya itu bukan 'untuk pencarian wilayah-wilayah yang baru' tetapi tertumpu kepada menghadapi 'dua masalah yang penting, kegiatan Siam dan lanun,² (Hall, 1971:926). Di samping itu, untuk sementara waktu, tokoh-tokoh imperialis Inggeris pada zaman itu menganggap kepentingan Tanah Melayu hanya kecil sahaja berbanding dengan peristiwa-peristiwa hebat yang berlaku di India, atau dengan perjuangan-perjuangan untuk membuka perniagaan di negeri China (Hall, 1987: 628-9). Apabila perdagangan dengan China telah terbuka maka Negeri-negeri Selat melindungi jalan perdagangan ke China dan meluaskan aktiviti perniagaan kepada keseluruhan kawasan Tanah Melayu (Ryan, 1971:97).

Kedua-dua pendapat Emerson dan Hall ini adalah benar jika dilihat dari sudut-sudut tertentu. Namun jika dilihat daripada kaca mata orang Melayu, keadaan yang sebenarnya adalah sebaliknya. Kerajaan-kerajaan Melayu telah menyalahgunakan 'masa tenang' itu. 'Masa tenang', yang seharusnya dimanfaatkan untuk memperkukuh kesatuan dan kedudukan bagi mempertahankan diri daripada serangan musuh, telah diisi dengan satu keadaan anarki yang berpunca daripada perebutan takhta dan kuasa memonopoli dalam kegiatan mencukai.

Anarki yang berpunca daripada perebutan takhta bukan satu aktiviti baru yang hanya berlaku pada awal abad ke-19. Kegiatan ini telah bermula sejak abad-abad sebelum itu. Namun, pada abad-abad tersebut, dengan berpangkalan di Melaka, kuasa-kuasa Barat, iaitu Portugis dan Belanda tidak berminat untuk campur tangan secara langsung dalam hal ehwal politik bumiputera. Mereka hanya mementingkan perdagangan sahaja. Selagi negeri-negeri Melayu itu sanggup menyerahkan barang dagangan kepada mereka, kerajaan Melayu tidak digugat. Jika kuasa-kuasa Barat itu terlibat, ini adalah kerana diminta untuk berbuat demikian. Apabila ini terjadi, pihak Barat khususnya Belanda akan memastikan pihak yang dibantunya mencapai kemenangan. 'Budi' yang 'ditaburkan' oleh pihak Barat ini akan dibayar dengan memberikan kuasa monopoli ke atas hasil dagangan negeri berkenaan. Justeru itu, penaklukan Portugis dan Belanda nyata bukanlah faktor yang berkesan bagi mengubah masyarakat tradisional ke arah corak baru (Khoo Kay Kim, 1984:1).

Bahagian awal abad ke-19 merupakan permulaan suatu proses perubahan yang memperlihatkan sistem ekonomi dan pentadbiran mengikut corak yang terdapat di dunia Barat. Namun begitu, zaman ini juga merupakan zaman kegelisahan politik yang menyedihkan (Khoo Kay Kim, 1984:32). Negeri-negeri kecil di belakang negeri Melaka, termasuk Linggi, tidak terkecuali daripada menerima dan terpengaruh dengan perubahan dan kegelisahan ini. Sebagaimana dinyatakan perubahan ekonomi telah pun mula menular ke dalam sistem ekonomi Linggi sejak pemerintahan

Penghulu Abdul Rahman lagi. Keadaan ini menjadi lebih pesat apabila Datuk Muda Mohamad Attas mengambil alih teraju pemerintahan Linggi. Malahan, Datuk Mohamad Attas telah melibatkan Linggi secara langsung dengan sistem ekonomi Barat yang berpusat di Melaka.

Dari segi politik, khususnya pentadbiran, Linggi sehingga tahun 1820-an masih berkecuali. Pada masa itu Linggi lebih menumpukan kegiatannya kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi. Namun, Datuk Mohamad Attas, walaupun seorang ahli perniagaan yang aktif, dan terlibat secara langsung dan berbaik-baik pula dengan ahli-ahli pedagang Barat di Melaka, yang secara tidak langsung mempunyai hubungan dengan pihak berkuasa Inggeris di Melaka, adalah seorang nasionalis. Dalam beberapa peristiwa beliau telah menunjukkan rasa bencinya terhadap Inggeris (Newbold, 1839(1971) Jil. 2: 112). Mungkin, oleh sebab sifat nasionalisnya itulah membuatkan beliau terlibat dalam Perang Naning yang meletus pada tahun 1831.

MASALAH NANING

Pada tahun 1824, sebagaimana yang dinyatakan Inggeris mengambil alih Melaka 'dan tanah takluknya' daripada Belanda. 'Tanah takluk' Melaka yang diterima oleh Inggeris telah tidak diberi satu takrif yang jelas. Semasa berkuasa di Melaka (1641-1824), pihak berkuasa Belanda tidak berminat untuk menakluki wilayah; minat utama mereka adalah untuk memonopoli perdagangan bijih timah, atau menyekat kuasa orang Bugis (Kennedy, 1962:100; 1993:101). Oleh sebab itu, hak mereka ke atas negeri-negeri Melayu, termasuk Naning adalah tidak jelas. Naning mungkin satu-satunya negeri Melayu yang dianggap oleh Belanda sebagai wilayah tanggungannya. Apabila tuntutan ini dicabar, Naning telah ditakluki oleh Belanda (1679) dan kerajaan Naning dipaksa membayar ufti tahunan sebanyak satu persepuluh daripada hasilnya, di samping menuntut hak untuk melantik Penghulu Naning. Mereka kemudian mendapati sukar dan tidak menguntungkan jika memungut cukai yang dipaksa itu. Dengan demikian, pada sekitar tahun 1769, Belanda membuat keputusan untuk menerima 400 gantang beras, yang bernilai satu perseribu daripada hasil Naning. Selain itu Belanda tidak langsung terlibat atau campur tangan, kalau adapun terlalu kecil, dalam hal ehwal dalaman negeri kecil itu (Kennedy, 1993:118).

Apabila Inggeris cuba menguatkuasakan pentadbirannya ke atas Naning mereka menghadapi masalah berkaitan dengan cukai atau ufti tahunan. Malahan ini timbul apabila Gabenor Fullerton (1826-27) mengarahkan Lewis, Penyelia Tanah di Melaka membuat penyelidikan tentang hubungan Naning-Melaka. Fullerton menyatakan bahawa Naning adalah di bawah kuasa Syarikat India Timur Inggeris; dan dengan itu syarikat berhak untuk

mendapat cukai atau ufti tahunan sebanyak satu persepuluh daripada hasil pengeluaran Naning. Residen Kaunselor Melaka, iaitu Garling tidak sependapat dengan Fullerton. Beliau menunjukkan bahawa tidak ada bukti yang jelas untuk menyokong pandangan Fullerton itu. Dengan demikian, pada pendapat Garling, Syarikat India Timur tidak berhak untuk menuntut ufti tersebut (Winstedt, 1962:193).

Bagaimanapun, akhirnya pihak Inggeris membuat keputusan bahawa kerajaan Naning harus membayar ufti tahunan sebanyak satu persepuluh daripada hasil negeri, dan mereka bercadang melantik Datuk-datuk Lembaga Naning sebagai 'pemungut cukai' atau membayar mereka sejumlah pencen sebagai pampasan atau ganti rugi. Cadangan-cadangan ini tidak mendapat sokongan daripada rakyat Naning. Abdul Said (atau lebih terkenal dengan nama Dol Said), Penghulu Naning telah menentang arahan yang membawa perubahan radikal ini. Di samping itu, Abdul Said juga telah menuntut kemerdekaan berdaulat untuk negeri Naning (Winstedt, 1962:194). Gabenor Ibbetson (1828–33) yang tertipu oleh Lewis, berpendapat jika Abdul Said tidak dipaksa membayar cukai itu, beliau khawatir orang Melayu dalam wilayah Melaka akan juga turut enggan membayar cukai hasil pendapatan yang dianggap sebagai pembayaran cukai tanah mereka. Untuk menguatkuasakan perintah itu, dalam tahun 1831 satu pasukan tentera telah dikirim ke Tabuh, pusat kerajaan Naning, untuk memaksa Abdul Said mematuhi arahan itu. Ketibaan tentera Inggeris di Tabuh itu adalah petanda bagi permulaan Perang Naning³ (Kennedy, 1993:118).

LINGGI DALAM PERANG NANING

Setakat ini, pensejarahan tentang penglibatan Linggi dalam Perang Naning adalah agak samar, walaupun mengikut Begbie (1834 (1967): 197) Mohamad Attas telah terlibat secara aktif. Yang ada hanya beberapa catatan ringkas berbentuk serpihan. Dengan menggunakan serpihan-serpihan sejarah itu sebagai pedoman dan landasan adalah diharapkan satu penghuraian dapat diutarakan tentang peranan yang dimainkan oleh Linggi, khususnya oleh Datuk Muda Mohamad Attas dalam perang tersebut.

Pada akhir tahun 1829, Abdul Said, Penghulu Naning telah mula membuat persediaan untuk mempertahankan kewibawaan dan kedaulatan kerajaan Naning daripada dicerobohi yang mungkin dilakukan pada bila-bila masa sahaja oleh pihak Inggeris (Winstedt, 1962:194). Beliau, menyedari bahawa Naning bersendirian sahaja, walaupun dari segi bilangan pahlawan Naning mengatasi jumlah tentera Inggeris, tidak mampu menentang kemaraan tentera British yang mempunyai disiplin ketenteraan profesional dan senjata yang lebih moden. Untuk mengimbangkan kekuatan senjata api Inggeris, Abdul Said telah meminta bantuan dari pembesar-pembesar

Melayu di negeri-negeri jirannya. Dengan ini sebagai matlamat, kira-kira dalam bulan Jun/Julai tahun 1830, Abdul Said telah mengutus surat kepada pembesar-pembesar tersebut. Antara pembesar-pembesar yang telah bertindak balas terhadap surat rayuan dan 'panggilan jihad' terhadap Inggeris ialah Raja Ali⁴ Yamtuan Muda Rembau, Penghulu Gemencheh, Datuk Kelana Kawal, Penghulu Sungai Ujong, Penghulu (besar kemungkinan Yamtuan Raja Radin) Seri Menanti dan Datuk Muda Mohamad Attas (Penghulu) Linggi.⁵

Isi surat-surat yang dikirim oleh Abdul Said kepada pembesar-pembesar itu bukan berupa permintaan umum. Ia adalah berbentuk peribadi dan tersendiri. Isi surat itu adalah khas untuk si penerima dan mengapa bantuan serta sokongan itu wajar diberi adalah berkait dengan hal-hal peribadi dan kerajaan pembesar berkenaan. Misalnya surat Abdul Said kepada Datuk Muda Mohamad Attas, selain mencabar semangat nasionalis pemimpin dan penduduk Linggi, ia juga menyentuh tentang nadi utama kerajaan Linggi. Dalam surat itu, Datuk Muda Mohamad Attas telah dimaklumkan bahawa pengintip-pengintip Naning di Melaka mendapat tahu bahawa pihak Inggeris bercadang hendak campur tangan langsung dalam perniagaan bijih timah kerajaan Linggi dan perniagaan Mohamad Attas sendiri (Begbie, 1834 (1967):163). Amaran dalam bentuk makluman awal ini, terutama sekali tentang sumber utama kekuatan kerajaan dan peribadi telah mendapat perhatian Datuk Muda. Sebagai tindak balas, Mohamad Attas telah memberitahu Abdul Said bahawa beliau berjanji dan berikrar akan memberi sokongan dan bantuan dengan membekalkan senjata api dan peluru serta bantuan makanan seandainya meletus perang antara Naning dengan Inggeris. Buat sementara waktu, Linggi juga berjanji mengawasi dan mencurigai gerak geri Inggeris dan penyokong-penyokongnya yang melintasi kawasan Linggi, khususnya yang menggunakan Sungai Linggi sebagai jalan lalu lintas (Begbie, 1834 (1967):197).

Pada bulan Julai 1831, sesuai dengan janjinya, Datuk Muda Mohamad Attas telah menahan seorang utusan pihak Inggeris yang secara kebetulan telah menumpang sebuah perahu orang Linggi (Cave, 1989:143). Setelah disoal siasat, Mohamad Attas mendapati bahawa utusan itu adalah dalam perjalanan ke Rembau untuk menyerahkan sepucuk surat daripada Gabenor Ibbetson kepada Raja Ali.

Surat tersebut adalah penting bagi penentuan kesudahan Perang Naning. Antara lain surat itu menyangkal dan memaklumkan kepada Raja Ali bahawa tuduhan Abdul Said yang menyatakan bahawa Inggeris menyokong Raja Labu (bekas Yamtuan Seri Menanti dan musuh Raja Ali) serta tuduhan tentang Inggeris akan menakluki Rembau selepas mengalahkan Naning adalah palsu. Kedua-dua tuduhan inilah yang membuatkan Raja Ali menyebelahi Abdul Said dalam peperangan itu (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:197-8).

Surat tersebut telah dirampas oleh Datuk Muda Linggi, dan dengan itu, Raja Ali tidak boleh bertindak seperti yang diharapkan oleh pihak Inggeris, iaitu menarik diri daripada bersekutu dengan Abdul Said. Seandainya surat itu selamat sampai ke tangan Raja Ali, besar kemungkinan tugas pihak British untuk menawan dan 'mengajar' Naning menjadi lebih senang dan memenangi episod pertama (1831) Perang Naning itu.

Apabila perang meletus, Datuk Muda Mohamad Attas dan orang Linggi telah turut dalam pertempuran mempertahankan kerajaan Naning. Beliau telah turut bersama dengan Abdul Said serta pembesar-pembesar Melayu lain di Sungai Petai (Cave, 1989:143) pada sekitar 13–24 Ogos 1831 (Begbie, 1834 (1967):183–6) bertempur dan memburu tentera Inggeris yang sedang berundur di bawah pimpinan Kapten Wyllie (Begbie, 1834 (1967):163–4). Jumlah hulubalang Melayu yang bersama dengan pembesar-pembesar Melayu dalam perang di Sungai Petai ialah 4000 orang dan hanya setengah daripada mereka yang bersenjata (Cave, 1989:143). Perang Naning I ini telah dimenangi oleh Abdul Said dan sekutunya, dan pihak Inggeris telah menerima kekalahan teruk.

Pada awal tahun 1832, setelah berjaya 'membeli' Syed Syaaban dan Raja Ali, melalui kerjasama kedua-dua orang pembesar itu, Inggeris telah berjaya memaksa kerajaan Rembau supaya tidak bersekutu lagi dengan kerajaan Naning. Satu pertemuan antara pihak Inggeris dengan kerajaan Rembau telah diadakan di Simpang.⁶ Pihak Inggeris telah diwakili antara lain oleh Gabenor Ibbetson, Lewis Timbalan Residen Melaka, Westerhout dan Kapten Hibgame. Beberapa orang pegawai tentera lain telah juga turut bersama. Kerajaan Rembau pula telah diwakili oleh Yamtuan Muda Raja Ali, Datuk Lela Maharaja Ngonit, dan Datuk Lembaga Tiang Balai Yang Lapang. Turut hadir bersama rombongan kerajaan Rembau itu ialah Tengku Putih⁷ dan Syed Syaaban anak menantu Raja Ali (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:202).

Datuk Muda Mohamad Attas yang menyedari hakikat bahawa jikalau Raja Ali berjaya memaksa kerajaan Rembau bersetuju dengan cadangan Inggeris itu maka kedudukan Naning akan terancam; dan berada dalam keadaan seperti telur di hujung tanduk, telah menghadirkan diri dalam pertemuan itu, walaupun tidak diundang (Begbie, 1834 (1967):197). Beliau tidak turut bersama masuk ke dalam khemah perundingan itu tetapi berada di pangkalan berhampiran dengan perahunya. Pihak Inggeris, Raja Ali dan Syed Syaaban menyedari dan tidak senang hati dengan kehadirannya walaupun beliau hanya berdiri di pangkalan sahaja. Kehadirannya itu telah dianggap oleh pihak Inggeris sebagai 'tetamu yang tidak diingini' dan dikatakan sebagai 'berperangai menjelikkan' (Begbie, 1834 (1967):197). Pihak Inggeris, Raja Ali dan Syed Syaaban telah cuba menghalau Mohamad Attas dari kawasan tersebut tetapi gagal kerana Penghulu Rembau, iaitu orang yang penting dalam perundingan itu sentiasa berada bersamanya.

Berdasarkan laporan Begbie, seperti yang dinyatakan bahawa walaupun pada mata kasar, khususnya daripada pandangan Inggeris Mohamad Attas adalah 'tetamu tidak diundang' tetapi besar kemungkinan beliau 'telah diundang' oleh pembesar-pembesar Rembau, tentunya bukan oleh Raja Ali atau Syed Syaaban. Antara faktor yang boleh dirumuskan ialah:

1. Begbie yang hadir di tempat pertemuan itu sendiri menyatakan bahawa 'antara rombongan (kerajaan Rembau) ialah Encik Katas.⁸ Ini bererti Mohamad Attas telah datang bersama dengan rombongan Rembau, dan tidak berasingan atau bersendirian.
2. Oleh sebab beliau datang bersama bererti Datuk Ngonit dan Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai Yang Lapan menyedari dan merelai kedatangan serta kehadiran Mohamad Attas di Simpang. Mengikut Begbie, seandainya pembesar-pembesar Rembau tersebut tidak mengingini kehadirannya sudah tentu Mohamad Attas, sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, mempunyai harga diri dan dia amat 'berpengaruh' tidak akan bersama dengannya.
3. Datuk Ngonit 'mengundang' Mohamad Attas adalah sebagai 'penasihatnya'. Fungsi penasihat ini jelas ditunjukkan oleh laporan Begbie apabila beliau menyatakan Penghulu Rembau sering kali berulang-alik dari khemah perundingan ke tempat Mohamad Attas, untuk berbincang.⁹

Melihat daripada perbincangan di atas besar kemungkinan Mohamad Attas telah diundang oleh Datuk Ngonit, secara peribadi. Oleh sebab demikian kedudukannya, Raja Ali dan Syed Syaaban tidak dapat atau tidak mampu menghalau atau melarang Mohamad Attas daripada datang 'bersama' rombongan Rembau itu.

Berikutan dengan rumusan ini, maka kenyataan Begbie yang menyatakan bahawa kedua-dua pihak mahu Mohamad Attas meninggalkan majlis perundingan itu adalah tidak tepat. 'Kedua-dua pihak' di sini bermaksud pihak Inggeris dan Rembau. Daripada huraian tersebut nyata bahawa pihak Rembau dapat dipecahkan kepada dua kumpulan. Pertama kelompok Raja Ali, Syed Syaaban dan Tengku Putih; dan kedua ialah kelompok Penghulu Rembau dan para lembaganya. Antara kedua-dua kelompok itu hanya kelompok Raja Ali sahaja yang tidak menginginkan kehadiran Mohamad Attas. Kelompok Penghulu Rembau, jelas daripada tingkah laku penghulu itu sendiri (berulang-alik menemui Mohamad Attas) tidak begitu. Penghulu Rembau, setelah dipaksa memberhentikan perbuatannya itu, beliau, dalam perbincangan selanjutnya boleh dikatakan tidak mengambil bahagian langsung; bagaimanapun menurut kata-kata Begbie beliau 'telah cuba dengan segala kuasanya untuk menghalang rundingan itu'.¹⁰ Yang berperanan dalam perbincangan itu ialah Tengku Putih.

Berikutan dengan rumusan ini, sebab-sebab yang dikemukakan oleh

Begbie (1834 (1967):197) tentang mengapa Mohamad Attas hadir 'tanpa diundang', adalah sukar untuk diterima. Begbie telah mengemukakan dua sebab.

1. Linggi, sejak wujudnya adalah tanah takluk kerajaan Rembau. Oleh sebab itu Linggi telah membayar ufti tahunan yang berupa sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada perlombongan bijih timah. Mohamad Attas, semasa Perang Naning I meletus, telah tidak membayar ufti tersebut kerana ketidakbolehan Raja Ali menguatkuasakannya. Justeru itu, Mohamad Attas menyedari bahawa sekiranya wujud persefahaman antara pihak British dengan Rembau (sudah tentu bermaksud Raja Ali) maka Linggi harus membayar semula ufti itu.
2. Gangguan yang sedang berlaku pada ketika itu telah memberi peluang kepada Mohamad Attas untuk membolot sendiri cukai eksport dan import yang dikenakan ke atas lalu lintas perdagangan di Sungai Linggi. Menurut Begbie Mohamad Attas mahu keadaan itu berkekalan dan berterusan demi kepentingannya sendiri.

Mohamad Attas adalah seorang pemimpin yang tidak kurang berpengaruh. Beliau telah berjaya menanamkan rasa curiga dalam diri para pembesar Rembau, terutama Datuk Lela Maharaja Ngonit tentang tujuan tersembunyi pihak Inggeris dan pihak Raja Ali dan Syed Syaaban. Oleh sebab kuat sekali kecurigaan penghulu dan para Datuk Lembaga Rembau terhadap Inggeris, mereka telah 'bulat' enggan memulakan rundingan. Datuk Ngonit pula telah memberitahu pihak Inggeris bahawa beliau tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa berunding dan berbincang terlebih dahulu dengan Mohamad Attas. Apabila rundingan dipaksakan juga kepada mereka, Datuk Ngonit masih sering berulang-alik dari khemah perundingan ke perahu Mohamad Attas. Westerhout akhirnya terpaksa pergi ke perahu tersebut dan bertengkar dengan Datuk Ngonit tentang perilakunya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:202). Datuk Ngonit terpaksa mengalah dan dengan itu percubaan Mohamad Attas untuk memecahkan rundingan itu telah gagal. Kerajaan Rembau telah 'terpaksa' menandatangani satu perjanjian persahabatan dengan Inggeris.¹¹

Berkaitan dengan peristiwa pertemuan di Simpang, yang berakhir dengan menandatangani Perjanjian Rembau-Inggeris pada 20 Januari 1832, Mohamad Ali bin Dahlan dalam laporan penyelidikannya (1976) agak mengelirukan. Laporan Mohamad Ali yang dimuatkan dalam satu muka surat itu (Mohamad Ali bin Dahlan, 1967:154) dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Perhubungan antara Linggi dengan Rembau adalah tegang.
2. Kapal *Zephyr* telah melawat Rembau pada Januari 1832.
3. Kapal *Zephyr* itu diketuai oleh Westerhout.
4. Mohamad Attas enggan meninggalkan tempat pertemuan itu selagi

kedua-dua pihak (yakni Rembau dan Inggeris) tidak menurunkan senjata askar mereka yang ditujukan ke arahnya.

5. Satu perselisihan antara Mohamad Attas dengan Penghulu Rembau telah berlaku. Peristiwa itu hampir-hampir mencetuskan peperangan.
6. Westerhout telah naik ke kapal Datuk Penghulu Rembau memujuk beliau menghentikan perbalahan itu.
7. Pada 7 Februari 1832 tentera Inggeris dan beberapa ratus orang Melayu telah mudik ke Rembau.
8. Mohamad Attas merancang untuk menyerang rombongan itu, tetapi membatalkannya.

Mohamad Ali, berdasarkan nota kakinya telah menggunakan Begbie (1834) sebagai sumber rujukannya yang utama. Jikalau dibandingkan dengan teks lain yang menyangkut tentang pertemuan di Simpang ini, Mohamad Ali telah tersilap dalam penyusunan faktanya. Kekeliruan beliau ini dapat pula dipertikaikan kebenarannya.

Pertama, Begbie (1834 (1967):197) semasa menghuraikan mengapa Mohamad Attas hadir dipertemuan itu, tidak menyentuh tentang adanya keadaan 'tegang' antara Linggi dan Rembau. Tujuan Mohamad Attas hadir di situ adalah untuk menggagalkan hasrat Inggeris untuk menjadikan kerajaan Rembau sekutunya dalam Perang Naning. Beliau bimbang jikalau rancangan itu berjaya, Raja Ali (bukan kerajaan Rembau) akan menguatkuasakan semula bayaran sebahagian daripada keuntungan Linggi daripada pengeluaran hasil bijih timahnya. Linggi telah berhenti membayar hasil itu sejak Perang Naning meletus; dan jikalau boleh Mohamad Attas mahu keadaan itu berterusan.

Kedua, Skuner *Zephyr* tidak pernah membuat lawatan ke Rembau dalam bulan Januari 1832, seperti yang dilaporkan oleh Mohamad Ali. *Zephyr* sebenarnya adalah kapal yang membawa rombongan Inggeris yang terdiri daripada Gabenor S. Ibbetson, Penolong Residen T.W. Lewis, J.B. Westerhout dan Kapten Hibgame ke Simpang dari Melaka (Begbie, 1834(1967):193-4).

Ketiga, Westerhout bukan orang yang 'mengetuai' (pemerintah/kapten?) skuner *Zephyr*. Beliau ialah seorang tuan tanah yang utama di Melaka dan seorang yang 'berpengetahuan mendalam tentang kebudayaan Melayu' (Khoo Kay Kim, 1984:65). Beliau dalam kerjayanya di Melaka tidak pernah mengetuai (Kapten?) sebuah kapal. Kehadiran Westerhout dalam pertemuan di Simpang itu adalah atas kebolehannya sebagai orang yang 'berpengetahuan tentang kebudayaan Melayu' di samping sebagai seorang yang pernah berhubungan dengan Syed Syaaban dalam proses membeli khidmatnya sebanyak \$500 semasa Perang Naning 1931 (Cave, 1989:144). Sebaliknya, jika Mohamad Ali bermaksud beliau mengetuai rombongan Inggeris, maka fakta ini juga tidak tepat kerana rombongan Inggeris itu diketuai oleh Gabenor Ibbetson.

Keempat, Mohamad Ali seterusnya telah menyatakan bahawa Mohamad Attas enggan meninggalkan kawasan pertemuan itu. Untuk melihat kebenaran pernyataan beliau itu berikut adalah laporan Begbie (1934/1967) berkaitan tentang peristiwa tersebut:

... dan beliau (Mohamad Attas), oleh kerana itu menyelip ke perahunya. Oleh sebab beliau seorang yang tidak kurang pengaruh, beliau telah berjaya mencapai tujuannya untuk merangsang pembesar-pembesar Rembau supaya mencurigai objektif sebenar British, dan Penghulu Rembau, yang berkecenderungan kepada pendapat yang sama, tidak akan melakukan apa-apa tanpa terlebih dahulu berbincang dan berunding dengan Mohamad Attas. Oleh sebab kuat sekali rasa kebimbangan ini menyebabkan pembesar-pembesar itu sebulat suara enggan terlibat dalam perundingan itu selagi askar (British) tidak meletakkan senjata.

Daripada petikan di atas nyata bahawa Mohamad Attas tidak enggan meninggalkan tempat pertemuan itu, walaupun Begbie menggunakan perkataan menyelip (*slunk away*) bagi menghuraikan cara Mohamad Attas sudi meninggalkan tempat perundingan itu tanpa sebarang kekecohan.

Selanjutnya, dalam ayat yang sama, Mohamad Ali telah melaporkan bahawa Mohamad Attas enggan pergi selagi kedua-dua pihak tidak menurunkan senjata yang ditujukan kepadanya. Pada hakikatnya, tidak ada pihak yang mengarahkan senjata kepada sesiapa dalam pertemuan itu. Askar British memegang senjata kerana memberikan 'baris hormat' (Begbie, 1834 (1967):196) kepada pembesar-pembesar Rembau, iaitu satu adat yang dilakukan oleh orang Eropah semasa menyambut kedatangan pembesar sesebuah negeri. Orang Rembau, walaupun terdiri daripada 150 orang bersenjata, tidak dilaporkan oleh Begbie sebagai mengancam Mohamad Attas. Malahan, orang Rembau yang tidak faham tujuan beri hormat bersenjata itu telah 'bersedia memegang ulu keris mereka' dan hanya selepas diterangkan kedudukan sebenar, barulah pembesar-pembesar Rembau masuk ke dalam khemah perundingan (Begbie, 1834 (1967):197).

Kelima, Mohamad Ali juga keliru apabila beliau menyatakan bahawa telah berlaku perbalahan antara Mohamad Attas dengan Penghulu Rembau. Mengikut laporan Begbie, keadaan sebaliknya telah berlaku. Penghulu Rembau sering keluar khemah perundingan pergi mendapatkan Mohamad Attas untuk berunding. Menurut Begbie, bahawa Penghulu Rembau sering berulang-alik untuk berunding dengan Mohamad Attas (Begbie, 1834 (1967):198).

Keenam, yang berbalah dengan Penghulu Rembau bukannya Mohamad Attas seperti yang dilaporkan oleh Mohamad Ali, tetapi ialah Westerhout. Kenyataan ini juga menjelaskan bahawa Westerhout tidak 'naik ke kapal Datuk Penghulu Rembau' tetapi naik ke perahu Mohamad Attas. Tujuan Westerhout naik ke perahu itu bukan untuk 'menghentikan perbalahan antara Mohamad Attas dan Penghulu Rembau' tetapi menghentikan

Penghulu Rembau daripada selalu berunding dengan Mohamad Attas; dan akibatnya telah berlaku perbalahan antara Penghulu Rembau dengan Westerhout sendiri. Perbalahan ini tidak mencetuskan peperangan.

Ketujuh, mengikut laporan Begbie (1834(1976):200-1), pada 7 Februari 1832 tentera British dan satu ratus (bukan 'beberapa ratus') orang Melayu telah pergi ke *Roombiyah*, iaitu Rumbia di daerah Alor Gajah sekarang. Mereka tidak pergi ke Rembau (ejaan Begbie *Rumbow*). Pergerakan tentera British pada tarikh tersebut adalah permulaan ekspedisi Melaka dalam Perang Naning II.

Kelapan, berikutan dengan kesilapan Mohamad Ali mengintepretasi nama Roombiyah ini maka fakta berikut yang dikemukakan juga tidak tepat. Mohamad Attas sebenarnya, bukan lagi merancang menyerang pihak British di Roombiyah (Rumbia); tetapi telah pun berada di sekitar kawasan tersebut. Namun, tanpa sebab yang diketahui, serangan itu telah dibatalkan.

Perang Naning II telah meletus pada awal bulan Februari 1832. Mohamad Attas dan orang Linggi cuba menyekat kemaraan tentera British di bawah pimpinan Kapten Justice. Tentera Linggi telah bergerak untuk menyerang pihak British di Rumbia. Namun, mengikut laporan Begbie, pegawai Inggeris berpangkat leftenan yang terlibat secara langsung dalam peperangan itu, tentera Linggi tidak melancarkan serangan tersebut. Mengapa mereka membatalkan serangan itu tidak dapat dipastikan. Namun pada malam berkenaan, iaitu 7 Februari, mereka telah berada di sekitar perkhemahan tentera British dan kehadiran mereka disedari oleh pihak Inggeris (Begbie, 1834 (1967):200-1).

Peristiwa malam 7 Februari ini adalah catatan terakhir tentang keterlibatan kerajaan Linggi dalam Perang Naning. Besar kemungkinan orang Linggi masih terlibat dalam pertempuran-pertempuran berikutnya. Namun, apa yang agak pasti ialah kerajaan Linggi masih membekalkan kerajaan Naning dengan peralatan senjata dan makanan. Ini terbukti apabila pada 8 Jun 1832, perahu-perahu dari kapal-kapal *Magicienne* dan skuner *Zephyr* telah diarahkan untuk menyekat Sungai Linggi, iaitu satu daripada tiga batang sungai¹² yang boleh menjadi laluan bagi menghantar barang bekalan (peralatan perang dan makanan) ke Naning (Begbie, 1834 (1967):251). Pada pertengahan bulan Jun,¹³ kerajaan Naning telah jatuh ke tangan Inggeris.

Kejatuhan Naning tidak menguntungkan mana-mana pihak. Naning kehilangan autonomi dan pihak British kerugian lebih kurang Stg. 100,000 (Mills, 1960:151). Pihak yang mendapat keuntungan ialah Raja Ali dan Syed Syaaban. Keuntungan mereka ini telah bermula sejak Perjanjian Rembau-Inggeris 1832 ditandatangani. Objektif Raja Ali ialah untuk mendapat jaminan perlindungan dan juga 'sokongan' British apabila beliau cuba mendapatkan jawatan Yang Dipertuan Besar.¹⁴ Bagi Syed Syaaban

pula untuk mendapatkan persahabatan, perlindungan dan mungkin juga 'sokongan' pihak British bagi membolehkan beliau, mengambil alih jawatan Yang Dipertuan Muda Rembau daripada bapa mentuanya dan mendapat hak mengutip cukai ke atas bijih timah dan hasil-hasil lain yang melalui Sungai Linggi¹⁵ (Braddell, 1856:210).

SYED SYAABAN MENCUKAI DI SIMPANG

Kira-kira setahun selepas Perjanjian Rembau-Inggeris dan enam bulan selepas Perang Naning tamat, iaitu pada sekitar akhir bulan Januari 1833, Mohamad Attas telah menerima sepucuk surat pengisytiharan tentang prosedur baru pengutipan cukai ke atas bijih timah dari Sungai Ujong. Surat pengisytiharan itu, walaupun ditulis atas nama Yang Dipertuan Besar (Raja Ali) dan Penghulu Rembau, namun iri adalah atas kehendak Yamtuan Muda Syed Syaaban yang ingin menguatkuasakan semula haknya sebagai Yamtuan Muda yang baru. Pengisytiharan itu berbunyi:

Perintah awam oleh Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda berserta Datuk Lela Maharaja kepada Orang Kaya Kattas, iaitu Penghulu Linggi.

Adalah dimaklumkan kepada kamu bahawa segala bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Linggi kami memerintahkan pembayaran cukai sebanyak tiga ringgit setiap sebahara kerana kami telah merujuk perkara ini ke Melaka kepada Gabenor Pulau Pinang dan Residen Kaunselor Melaka—oleh sebab itu perintah ini dikeluarkan kepada Penghulu Linggi bahawa semua, barang siapa yang membawa turun bijih timah (dari Semujung), harus datang ke Simpang untuk membayar cukai. Ditulis pada 23 Januari 183 (Hijrah 1248).

(Begbie, 1834(1967):410)

Sebelum Syed Syaaban mengeluarkan surat pengisytiharan itu, beliau telah pun menulis sepucuk surat ke Melaka bertanyakan sama ada pihak Inggeris mempunyai sebarang bantahan jikalau beliau mendirikan sebuah kubu di Simpang.¹⁶ Apabila pihak British tidak menunjukkan atau memberi sebarang reaksi, sama ada menghalang atau tidak terhadap surat itu, Syed Syaaban telah mendirikan sebuah kubu seperti yang dirancangnya (Khoo Kay Kim, 1967:42). Di kubu itu beliau telah menempatkan selaras meriam kecil di atas tujuh *swivel*, dan selaras meriam besi tujuh paun yang mempunyai jarak tembakan cukup untuk mengawasi kedua-dua cabang sungai tersebut (Gullick, 1976:31).

Datuk Mohamad Attas telah tersinggung atas tindakan Syed Syaaban ini, terutama tentang pengisytiharan tersebut. Antara mereka berdua telah ada sikap permusuhan sejak sebelum itu lagi dan telah sampai ke kemuncaknya dalam bulan Februari 1832, iaitu semasa perundingan antara Ibbetson dan para pembesar Rembau di Simpang. Dalam pertemuan itu, sebagaimana dinyatakan, Mohamad Attas telah dimalukan mungkin atas

hasutan daripada Syed Syaaban. Mohamad Attas pula mencurigai Syed Syaaban dan menganggapnya sebagai pembelot. Sebagai seorang nasionalis yang membenci Inggeris, Mohamad Attas menganggap peri laku Syed Syaaban semasa Perang Naning sebagai keji.¹⁷

Dalam perang tersebut, Syed Syaaban telah melakukan sekurang-kurangnya empat peri laku yang kurang disenangi oleh Mohamad Attas.

1. Syed Syaaban telah berpaling tadah dan menjualkan khidmatnya kepada pihak British dengan harga sejumlah 500 ringgit (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:199).
2. Syed Syaaban telah bersubahat dengan Raja Ali, bapa mentuanya dan Tengku Putih mempengaruhi dan seterusnya memaksa dan memalukan Datuk Ngonit dan Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai kerajaan Rembau untuk menandatangani Perjanjian Rembau-Inggeris Januari 1832 (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:202-3).
3. Syed Syaaban ialah pemimpin pasukan tentera yang menyerang¹⁸ dan mengalahkan kubu terakhir kerajaan Naning, iaitu rumah kediaman Abdul Said¹⁹ (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:204).
4. Syed Syaaban telah menerima penghormatan dan gelaran daripada pihak British atas 'jasa-jasanya menentang British' (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:203; Begbie, 1834 (1967): 198).

Pada awal tahun 1834, sakit hati Mohamad Attas terhadap Syed Syaaban ditambah lagi dengan tindakannya menyekat dan merosakkan kelancaran urusan niaganya di Sungai Linggi. Pencukaaian yang dikenakan oleh Syed Syaaban telah memberikan kesan negatif kepada keuntungan Mohamad Attas dan kerajaan Linggi. Namun, kesan negatif ini bukan hanya dirasakan oleh Mohamad Attas tetapi juga rakan kongsinya dan para pedagang Melaka. Kesilapan Syed Syaaban dalam tindakannya ini ialah beliau tidak mengambil kira pengaruh (yang tidak kecil) para pedagang Selat ke atas kerajaan British. Dalam hal ini, jika pilihan hanya antara Syed Syaaban dan Mohamad Attas, besar kemungkinan pihak British akan menyebelahi Syed Syaaban; tetapi di sini wujud faktor ketiga yang tidak diperkirakan oleh Syed Syaaban, iaitu pemegang saham yang terdiri daripada peniaga-peniaga Selat.

Pengisytiharan Syed Syaaban ini telah mendapat reaksi bukan sahaja daripada Mohamad Attas tetapi juga daripada para pedagang Melaka. Mereka menulis sepucuk surat kepada akhbar *Singapore Chronicle* menuduh kerajaan British bersubahat dan menyokong tindakan Syed Syaaban di Simpang sebagai balasan khidmatnya semasa Perang Naning. Penentangan para pedagang Selat terhadap aktiviti Syed Syaaban cukup penting untuk memaksa Ibbetson mengeluarkan pengisytiharan yang bertentangan dengan pengisytiharan Syed Syaaban, bagi menyatakan pihak British tidak terlibat dengan tindakan Syed Syaaban itu (Khoo Kay Kim, 1967:42).

Pengisytiharan Ibbetson itu dikeluarkan pada 27 April 1833 dan berbunyi:²⁰

Tuan Terutama R. Ibbetson Esq. Gabenor Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dengan ini memberitahu dan memaklumkan bahawa berkaitan dengan wilayah Simpang di pedalaman Sungai Linggi, Raja Ali, Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda dengan rakyatnya telah memberi tanda kepada Gabenor tentang niat mereka untuk mencukai timah di situ. Dengan ini pihak Gabenor memberitahu kepada semua yang berkenaan bahawa perkara ini tidak berkaitan dengannya, tidak juga berada dalam kuat kuasanya untuk campur tangan kerana tempat ini tidak termasuk dalam bidang kuasa Kompeni. Mereka, para pembesar tersebut adalah silap untuk menganggap bahawa dia, Gabenor mempunyai sebarang kuasa di Simpang.

Ibbetson tidak boleh bertindak lebih daripada itu kerana polisi British pada ketika itu adalah tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu.

Keadaan menjadi semakin tegang. Oleh sebab British tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut, para pedagang Melaka telah cuba mendapatkan kembali kerugian mereka (akibat cukai yang dikenakan oleh Syed Syaaban) secara bersendirian; sekurang-kurangnya sebahagian daripada wang pelaburan mereka. Salah seorang daripada mereka, seorang pedagang Cina yang kaya telah menyewa sebuah kapal kecil bernama *Catharine*. Kapal tersebut telah belayar ke Simpang dengan seorang Belanda berlagak sebagai sebahagian daripada muatan istimewanya. Sesampainya di Simpang, orang Belanda tersebut telah menyatakan kepada Syed Syaaban, melalui seorang jurubahasa bahawa beliau tidak tahu berbahasa Melayu dan menyatakan bahawa kapal itu datang dari pelabuhan lain. Syed Syaaban yang mempercayai kata-kata orang Belanda itu telah memberi izin agar kapal itu diisi dengan bijih timah. Orang Belanda itu berjanji akan membayar cukai pada keesokan harinya, telah dipersetujui oleh Syed Syaaban. Namun pada malam itu juga kapal *Catharine* telah belayar balik ke Melaka tanpa pengetahuan Syed Syaaban.

Penipuan ini telah diadukan oleh Syed Syaaban melalui sepucuk surat kepada pihak berkuasa di Melaka. Dalam surat itu beliau juga meminta pihak Melaka membayar ganti rugi tersebut atas alasan kapal *Catharine* itu menggunakan bendera British, yang menandakan ia adalah kepunyaan pelabuhan Melaka. Pihak British telah membalas surat itu dengan memberikan jawapan yang sama seperti yang diberikan kepada para pedagang Melaka sebelum itu, iaitu mereka tidak boleh mengambil sebarang tindakan kerana terikat dengan polisi tidak campur tangan dalam pertelingkahan di Simpang. Dengan itu, Syed Syaaban telah mengambil keputusan untuk mendapatkan semula kerugiannya itu melalui peperangan.

Ekoran daripada keputusannya itu, pada sekitar bulan September

1833, Syed Syaaban telah meminta pihak Melaka menyerahkan semula satu tong serbuk letupan²¹ kepadanya; dan Melaka telah memberikannya (Begbie, 1834 (1967):411 nota kaki). Syed Syaaban juga telah mendapat bantuan kewangan daripada Nakhoda Lope (atau dikenali juga dengan nama Nakhoda Laboh), salah seorang terkaya di Rembau pada ketika itu (Begbie, 1834 (1967):402). Selain wang, Nakhoda Lope juga menghadiahkan Syed Syaaban sebilah keris bersarungkan emas dan sebuah pending yang tinggi nilainya kerana kesudian Syed Syaaban memerangi Mohamad Attas (Wilkinson, 1911:30).

Nakhoda Lope mempunyai sebab tersendiri memberi bantuan tersebut. Beliau berasal dari Pulau Jawa. Sejak kanak-kanak, beliau ialah budak peliharaan Juragan Abdul Rahman (Penghulu Linggi II). Abdul Rahman telah membawa Lope bersamanya apabila beliau pindah dan membuat petempatan di Bandar Penajis, Rembau, bersama ayahnya Awaluddin. Semasa Abdul Rahman menjadi penghulu di Linggi, beliau telah memberi modal kepada Lope untuk menjalankan perniagaan sendiri di Sungai Ujong. Oleh sebab dia seorang yang bijak berniaga, Lope telah menjadi kaya dan terkenal. Beliau telah diberi gelaran nakhoda dan telah berkahwin dengan seorang gadis dari Melaka. Kemudian, beliau telah memining anak gadis Mohamad Attas yang bernama Asiah untuk dijodohkan dengan anaknya, Saidin. Peminangannya itu telah ditolak atas alasan dia tidak 'layak' kerana berasal daripada keturunan 'teman' (hamba). Akibat penolakan ini, Nakhoda Lope sakit hati dan menyimpan dendam terhadap Mohamad Attas. Peluang untuk membalas dendam ini terbuka apabila Mohamad Attas berperang dengan Syed Syaaban. Justeru itu, penglibatan Nakhoda Lope dalam peperangan ini adalah atas sebab peribadi yakni hendak membalas dendam (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:156 nota kaki, 272-3; Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:220-1).

Mohamad Attas pula, yang juga menerima akibat daripada tindakan Syed Syaaban itu, atas desakan para pedagang Melaka, telah membuat perediaan untuk berperang. Untuk memastikan Mohamad Attas mendapat kemenangan dalam persengketaan itu, para pedagang Melaka telah memberi bantuan senjata, peluru dan wang kepadanya. Dengan demikian, kedua-dua belah pihak telah siap sedia untuk memulakan peperangan.

Melihat keadaan semakin tegang, pihak Melaka telah menghantar dan menempatkan satu *datesmen* tentera British di bawah pimpinan Leftenan T.J. Newbold di Kuala Linggi kira-kira pada bulan September 1833. Tugas Newbold adalah untuk memerhati dan melaporkan perkembangan politik di kawasan tersebut dan mengekalkan keamanan. Kehadiran *datesmen* itu tidak membawa apa-apa kesan. Keadaan tegang di Sungai Linggi tidak mengendur, malahan semakin meruncing. Apabila Newbold, melihat perkembangan yang sedemikian, dia telah memberi amaran kepada semua pihak yang bertelingkah supaya jangan menggunakan Kuala Linggi, se-

buah wilayah Inggeris, sebagai pangkalan kegiatan ketenteraan (Gullick, 1976:31).

PERANG LINGGI-REMBAU

Pada sekitar akhir tahun 1833, Perang Linggi-Rembau telah meletus. Pecahnya peperangan ini memang sesuatu yang diduga kerana perhubungan antara Linggidengan Rembau sudah lama tegang akibat Linggi enggan mengakui ketuanan Rembau. Kedua-dua wilayah itu mempunyai sempadan bersama. Keadaan ini membolehkan Rembau menuntut sebahagian besar hasil yang diperolehi daripada perdagangan melalui Linggi (Khoo Kay Kim, 1984:48).

Ada dua pendapat tentang siapa yang memulakan perang itu. Khoo Kay Kim (1984:48) menyatakan Mohamad Attas yang memulakannya kerana didesak oleh pedagang-pedagang Melaka. Wilkinson (1911:30) dan Gullick (1949:28; 1976:31) pula melaporkan Syed Syaaban yang telah hilang pertimbangan sebab amaran Newbold yang berpangkalan di Kuala Linggi, telah memulakan peperangan itu (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:211). Syed Syaaban bertindak terlebih dahulu kerana dalam perkiraannya (walaupun pihak British telah memberi amaran supaya jangan bertindak melulu), Newbold akan memihak kepadanya.

Andaian Syed Syaaban itu adalah salah. Dalam serangan pertama beliau telah mengalami kegagalan. Mohamad Attas bertindak balas dengan sertamerta tanpa menunggu serangan kedua. Beliau terus menyerang dan memasuki wilayah kekuasaan Syed Syaaban. Berikutan dengan itu satu siri pergaduhan kecil antara kedua-dua belah pihak telah berlaku; namun beberapa jiwa telah terkorban. Pada masa awal pergaduhan itu, adik ipar Mohamad Attas, Sallehuddin dan dua atau tiga orang telah meninggal dunia semasa mempertahankan kubu di Monang (Begbie, 1843 (1967): 413).

Syed Syaaban telah mendapat sokongan daripada Raja Ali dan Datuk Ngonit. Raja Ali, selain daripada hubungan anak menantu, mempunyai sebab-sebab peribadi menyokong Syed Syaaban dalam memerangi Mohamad Attas. Antara sebab-sebab peribadi tersebut ialah:

1. Dalam tahun 1830 telah berlaku satu pertempuran antara orang Cina dengan orang Melayu yang berakhir dengan kekalahan pada pihak orang Cina. Harta mereka telah dirampas. Sebahagian daripada hasil rampasan itu, iaitu empat persembilan bahagian telah diserahkan kepada Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Besar dan selebihnya telah diambil oleh Datuk Kelana (Begbie, 1834): (1967):409). Pemberian ini dianggap sebagai hasil pertama kerajaan Rembau daripada Sungai Linggi. Kepada Rembau, Linggi adalah 'buatan' atau 'anak' Rembau. Oleh itu Linggi harus membayar hasil anugerah. Namun, bagi Raja Ali, pembayaran sebanyak itu adalah satu penghinaan terhadap dirinya sebagai Yang Dipertuan Besar (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:152).

2. Sebagai mana dinyatakan Raja Ali mempunyai dendam ke atas keluarga Mohamad Attas akibat penolakan pinangannya pada masa mereka tinggal di Bandar Penajis. Tidak cukup dengan penolakan itu, Abdul Rahman telah menikahkan anak perempuannya itu, Napisah (dikenali juga sebagai Nafsiah) dengan Mohamad Attas. Peristiwa ini telah menyakitkan hati Raja Ali. Pada ketika peristiwa itu berlaku, walaupun Raja Ali telah menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau, namun kedudukannya masih tidak kukuh. Justeru itu, beliau tidak berani bertindak sesuka hatinya apatah lagi untuk memerangi keluarga Abdul Rahman secara terbuka.

Sebagai Penghulu Rembau pula, Datuk Ngonit tidak mempunyai sebab-sebab peribadi tetapi lebih berkait dengan pembayaran 'pampasan wajib' yang harus dibayar oleh Linggi kepada kerajaan (Penghulu) Rembau. Ada dua punca utama yang menyinggung Datuk Ngonit dan membuatkan beliau menyebelahi Syed Syaaban.

1. Semasa Perang Naning, Mohamad Attas telah menggunakan kesempatan itu sebagai helah daripada terus membayar pampasan wajib kepada Rembau (Begbie, 1834(1967):409).
2. Dalam tahun 1832 para pedagang Melaka telah membayar premium tahunan sebanyak \$2,500 kepada Penghulu Linggi. Daripada jumlah itu, Penghulu Rembau mendapat hanya \$400; sedangkan Datuk Kelana menerima \$800. Oleh sebab wilayah Linggi itu adalah anugerah Penghulu Rembau kepada orang Bugis dari Riau yang diperbilangkan sebagai 'beribu ke Rembau', maka Datuk Ngonit berasa bahawa pembahagian itu tidak adil (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:147-50).

Ironinya penglibatan Datuk Ngonit ini ialah secara peribadi beliau tidak menyukai Syed Syaaban (Newbold, 1839(1971): Jil. 2:132) malahan jika peristiwa pertemuan antara Ibbetson dengan para pembesar Rembau pada Januari 1832 boleh dijadikan petunjuk, Datuk Ngonit telah menghormati serta percaya akan Mohamad Attas.

Dalam pergaduhan ini, oleh sebab Datuk Ngonit telah agak lanjut umurnya, atau/dan mungkin juga secara peribadi tidak mahu berperang dengan Mohamad Attas, maka beliau tidak mengambil bahagian yang aktif. Beliau hanya 'mempertahankan' sahaja salah sebuah kubu pertahanan Rembau di Simpang. Apabila kubu tersebut diserang oleh orang Linggi, Datuk Ngonit telah meninggalkannya dan membiarkan beberapa laras senapang dan sejumlah peluru 'dirampas' oleh Mohamad Attas. Newbold menyifatkan perbuatannya itu sebagai suatu 'yang memalukan' dan suatu 'pengkhianatan'. Selanjutnya Newbold menyatakan bahawa Datuk Ngonit bersikap demikian kerana disogok dengan candu (Newbold, 1839 (1971): Jil. 2:132-3). Sejauh mana kebenaran tuduhan Newbold ini adalah sesuatu yang perlu dikaji dengan lebih teliti melihat pada sikap yang ditunjukkan oleh Datuk Ngonit terhadap British dan Mohamad Attas kira-kira setahun


sebelum itu (Januari 1832). Berdasarkan sikap itu, tidakkah ada kemungkinan yang Datuk Ngonit sengaja meninggalkan kubu itu apabila diserang?

Semenjak itu, Datuk Ngonit tidak lagi berserta dengan Syed Syaaban. Dalam perjalanan balik ke balai penghulu, beliau mendapat tahu tentang pakatan antara Nakhoda Lope dengan Syed Syaaban serta pemberian barang hadiah yang terlibat. Ini menyedarkan Datuk Ngonit bahawa Syed Syaaban telah memeralatkan dirinya sebagai Penghulu Rembau untuk mengesahkan peperangan yang lebih bermotif peribadi itu. Kesedaran ini membuatkan Datuk Ngonit sebal hati dan menarik diri daripada terlibat dalam pergaduhan yang pada anggapannya bukan sebagai peperangan antara Rembau dan Linggi tetapi antara Syed Syaaban dan Raja Ali dengan Mohamad Attas.


Pergaduhan ini menjadi agak seimbang pada pertengahan tahun berikutnya apabila orang kanan Syed Syaaban, Panglima Perang Ballah Cik Low yang dianggap kebal semasa Perang Naning, telah terkena peluru dan kemudian meninggal dunia. Walaupun orang kanannya sudah tiada, Syed Syaaban terus berjaya, namun begitu Mohamad Attas juga menunjukkan daya bertahan dan mula mengatasi pihak lawan (Begbie, 1834(1967): 413). Keadaan seimbang antara kedua-dua pembesar ini membuatkan pergaduhan itu berlarutan.

Melihat pertelingkahan ini tidak berkesudahan, Syed Syaaban cuba mengatasi kebuntuan itu dengan meminta Datuk Ngonit melibatkan diri semula dalam pergaduhan itu, iaitu di pihaknya. Permintaan Syed Syaaban itu bukan sahaja ditolak tetapi disindir pula dengan menyatakan bahawa beliau (Datuk Ngonit) tidak mempunyai 'keris bersarungkan emas' untuk menentang musuh dan tidak juga mempunyai 'pending emas' untuk mengikat pinggang. Datuk Ngonit juga telah memberitahu bahawa pergaduhan itu adalah masalah peribadi antara Syed Syaaban serta Raja Ali dengan Mohamad Attas. Ia tidak ada kaitan dengan Rembau sebagai sebuah kerajaan yang mengikut adat, beliaulah penghulu dan pemerintahnya. Hujah terakhir Datuk Ngonit ini adalah satu pernyataan keras. Beliau, dengan itu memberitahu dan mengingatkan Syed Syaaban serta juga Raja Ali bahawa yang berkuasa dalam kerajaan Rembau adalah Penghulu dan Lembaga Tiang Balai; bukannya Yang Dipertuan Muda atau Yang Dipertuan Besar. Jawapan Datuk Ngonit yang sama sekali di luar dugaan itu telah menyakitkan hati Syed Syaaban, bukan sahaja memalukannya tetapi juga Raja Ali, ayah mentuanya. Ini membuatkan Syed Syaaban cukup marah dan hilang pertimbangan.

Tindak balas yang dilakukan oleh Syed Syaaban atas jawapan Datuk Ngonit itu merupakan titik perubahan kepada pergaduhan Linggi-Rembau yang sedang berlaku. Syed Syaaban telah menghantar beberapa orang pengikut setianya ke rumah Datuk Ngonit dengan tujuan membunuhnya.



1. **Kuala Linggi:** Pintu gerbang keluar masuk perdagangan kawasan pedalaman seperti Naning, Rembau dan Sungai Ujong ke Melaka.
2. **Sungai Linggi:** Kepentingannya merosot dan langsung tidak digunakan apabila landasan kereta api dibina antara Sungai Ujong dan Port Dickson pada tahun 1891.





3. **Sungai Puan:** Tempat awal Daing-Daing Bugis menetap di Kuala Linggi.

4. **Kg. Penajih:** Daerah di mana orang Bugis tinggal menumpang selama satu dekad sebelum mudik ke hilir mencari petempatan baru.






5. Yang Mulia Datuk Kelana Petra, Datuk Mubarak bin Thahak @ Dohak, Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 daripada waris di Darat yang dilantik pada 29 Disember 1993. Datuk Kelana Petra adalah 'bapa' Linggi.




6. Yang Mulia Datuk Muda Linggi Yang Ke-11, Datuk Mohd. Basri Haji Omar. Perlantikan Datuk Muda Linggi ini dibuat bergilir antara Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pangkalan.



7. Datuk Panglima Besar Yang Ke-7, Datuk Abd. Mutalib Abd. Ghani
tongkat sokong dan seolah-olah menteri kepada Datuk Muda Linggi
sebagai ketua waris.



8. Datuk Laksamana Yang Ke-7, Datuk Badaruddin Abd. Samad, tongkat sokong kepada Datuk Panglima Besar dan mata telinga kepada Datuk Muda Linggi dan Datuk Kelana Petra Sungai Ujong.




9. Datuk Johan Sungai Ujong Yang Ke-8, Datuk Razali Abd. Khalid, salah seorang Datuk Lembaga (Pembesar) Luak Sungai Ujong.



10. **Pendeta Za'ba:** Tokoh Linggi yang telah mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh waris Linggi untuk membincangkan sikap 'kedegilan' Datuk Muda Yahya yang meneruskan perlantikan Mohamad bin Noh sebagai Datuk Panglima Besar. Mesyuarat ini diadakan pada 27 September 1959.

11. **Teratak Za'ba:**
Tiang tengah teratak Za'ba di Batu Kikir, Kuala Pilah. Di tempat ini akan didirikan teratak pendeta ini yang penegakan tiang tengahnya disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan pada 16 September 1995 yang lalu.




TERATAK ZA'BA


Tiang Tengah TERATAK ZA'BA ini disempurnakan oleh Dato' Seri Utama Tan Seri Mohd. Isa bin Dato' A.Samad Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus pada hari Sabtu 16hb September 1995 bersamaan dengan 20 Rabiulakhir 1416 hijrah sempena 100 tahun usia Prof. Tan Seri Dato' Pendita Haji Zainal Abidin bin Ahmad Atau yang lebih dikenali dengan NAMA ZA'BA.



14. **Perigi Lama di Simpang Linggi:** Air perigi yang digunakan untuk minuman semasa menandatangani Perjanjian Rembau-Inggeris 1831.


15. Bekas lombong bijih di Kuala Linggi.





16. Lembing yang digunakan dalam perang Linggi-Naning.

17. Salah satu kota pertahanan Bugis di Kuala Linggi.







18. **Masjid Linggi:** Masjid lama ini dibina oleh YM Datuk Muda Linggi Yang Ke-4, Datuk Ahmad Peral. Di belakang masjid ini terdapat sebuah tabuh lama yang tidak digunakan lagi.

19. **Bahagian hadapan masjid Linggi:** Sepasang meriam milik Datuk Ahmad Peral menghias masjid. Berhadapan dengan sepasang meriam itu ialah makam Datuk Ahmad Peral.






20. **Makam Sheikh Ahmad Majnun:** Dikenali dengan panggilan Keramat Sungai Ujong. Sheikh Ahmad Majnun, seorang ulama dari Sumatera, dikatakan terbunuh bersama pengikutnya semasa berperang dengan Sultan Mansur Shah (Melaka) pada tahun 1467. Peninggalan sejarah ini terletak kira-kira empat kilometer dari pekan Linggi.



21. Kubur pahlawan Bugis di Kuala Linggi.

22. Makam diraja di Kuala Linggi.



Datuk Ngonit dan keluarganya berjaya melepaskan diri, tetapi harta bendanya telah dijarah dan rumahnya dibakar. Pencerobohan ini membuatkan hampir seluruh rakyat dan pembesar Rembau menyebelahi Datuk Ngonit. Berikutan dengan pencerobohan Syed Syaaban ini, Datuk Kelana Kawal yang sekian lama tidak campur tangan, telah mengisytiharkan perang ke atas Raja Ali dan Syed Syaaban. Sebelum itu, Datuk Kelana Kawal telah pun memberi bantuan kepada Mohamad Attas tetapi secara tidak langsung. Bantuan itu diberi kerana, mengikut Newbold (1839 (1971), Jil. 2:108) Mohamad Attas adalah penasihatnya.

Persepakatan kedua-dua orang penghulu tersebut (Datuk Ngonit dan Datuk Kelana Kawal) untuk menentang Syed Syaaban dan Raja Ali, telah merubah keadaan tersebut. Kedua-dua orang penghulu itu, kemudian telah 'memaksa' Raja Radin turut terlibat sama.²² Raja Radin, selain 'dipaksa' juga mempunyai sebab peribadi untuk turut dan menyertai Mohamad Attas dalam pergaduhan itu. Dengan terlibatnya Datuk Kelana, Datuk Ngonit dan Raja Radin dalam peperangan ini, satu perang saudara meletus di Negeri Sembilan. Oleh sebab keadaan telah berubah, iaitu hampir sebahagian daripada pembesar-pembesar Negeri Sembilan memihak kepada Mohamad Attas, maka pada kira-kira pada tahun 1836,²³ Raja Ali dan Syed Syaaban telah dapat dikalahkan. Raja Ali dan Syed Syaaban telah berundur melarikan diri dari Rembau²⁴ (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:207-13).

Keadaan tegang di sepanjang Sungai Linggi dapat dipulihkan dan perdagangan berjalan dengan licin kembali. Datuk Muda Mohamad Attas dapat berkuasa semula dan kembali menjalankan peranannya dalam perdagangan. Segala masalah cukai di Sungai Linggi diuruskan oleh Mohamad Attas dan para pengikutnya. Walau bagaimanapun perusahaan melombong di Sungai Ujong masih terjejas. Pada awal pergaduhan itu, ramai pelombong Cina (jumlah mereka ialah lebih kurang 400 orang) di Sungai Ujong telah lari ke Melaka. Akibatnya hanya sebahagian sahaja kerja melombong itu dapat dilaksanakan, dan jumlah timah yang dieksport melalui sungai pun turut merosot (Newbold, 1839 (1971) Jil. 2:97). Keadaan aman di kawasan Sungai Linggi itu tidak berkekalan. Ia hanya dapat bertahan selama lebih kurang empat tahun sahaja.

KETEGANGAN BERTERUSAN DI SUNGAI LINGGI

Walaupun Syed Syaaban, orang yang bertanggungjawab memulakan ketegangan dan pergaduhan Linggi-Rembau itu telah diusir, namun ketegangan meletus semula selepas lebih kurang empat tahun. Keadaan tegang telah berterusan malah merebak ke negeri-negeri jiran di sekitar tebing Sungai Linggi. Keadaan ini telah membimbangkan kerajaan British di Melaka, sekurang-kurangnya atas dua sebab utama:

1. Kelancaran sistem perdagangan di pelabuhan Melaka terganggu dan

terancam. Ini akan menjejaskan pendapatan Syarikat India Timur Inggeris.

2. Pengaruh daripada saudagar dan peniaga Melaka (sekitar tahun 1833; sebelum Perang Linggi-Rembau meletus) yang terdiri daripada warganegara British dan kepentingan mereka terlibat dalam ketegangan ini, adalah kuat dan akan memberi tekanan kepada pihak berkuasa British di Melaka (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:215–6).

Keadaan tegang di sekitar Sungai Linggi berterusan adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi yang sedang berkembang pada ketika itu. Keadaan ini dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Pihak British memperkenalkan dan mengamalkan polisi perdagangan bebas.
2. Saudagar Melaka melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti ekonomi perlombongan bijih timah di Sungai Ujong.
3. Sungai Linggi menjadi semakin penting dan sibuk sebagai jalan lalu lintas perdagangan.
4. Pembukaan semula Simpang oleh Syed Syaaban dan Raja Ali sebagai pusat pencukaian dalam tahun 1833.

Akibat perubahan ini, walaupun pergaduhan Linggi-Rembau itu tamat, persaingan antara pembesar-pembesar Melayu, terutama sekali selepas tahun 1840, menjadi bertambah hebat. Faktor pendorong kepada persaingan ini ialah perubahan dalam sistem pengurusan kewangan berkaitan dengan perusahaan bijih timah di Sungai Ujong.

Sebelum itu, kebiasaannya para pembesar Melayu akan mendahulukan sejumlah wang kepada para pelombong, selepas menerima wang tunai, candu dan beras daripada para pedagang Melaka. Pelombong pula terpaksa menjualkan bijih timahnya dengan harga yang dipersetujui dan ditetapkan oleh pembeli, iaitu para pembesar, yang menjualkannya pula kepada para saudagar Melaka. Dengan itu, tanggungjawab untuk membayar bunga bagi pinjaman wang pendahuluan adalah ditanggung oleh para pelombong. Di samping itu, para pelombong juga terpaksa membeli barang-barang keperluan daripada para pembesar dengan harga yang tinggi (Sherifa Khan, 1986:12–3).

Selepas berlaku perubahan, semakin ramai para saudagar Melaka yang memberikan wang pendahuluan secara terus kepada para pelombong. Pembesar-pembesar Melayu tidak diperlukan lagi sebagai orang tengah. Kebanyakan pembesar itu berada dalam keadaan tertekan kerana telah kehilangan pendapatan dan mereka dianggap sebagai orang yang 'tidak berduit langsung' oleh Mills (1960:208). Dengan itu, pendapatan para pembesar Melayu terpaksa bergantung kepada cukai yang dikenakan ke atas bijih timah. Apabila perdagangan bijih timah semakin meningkat, para pembesar yang berpengaruh di sekitar Sungai Linggi cuba merebut peluang untuk mendapat bahagian daripada hasil tersebut

(Khoo Kay Kim, 1984:81; 1986:12-3); Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:236).

Di pihak saudagar-saudagar Melaka pula, walaupun perubahan itu memberikan peluang yang lebih baik untuk memperkembangkan kepentingan melombong, mereka juga menghadapi masalah keselamatan dan persaingan. Untuk mendapatkan faedah maksimum, mereka cuba mempengaruhi pembesar-pembesar Melayu khususnya Datuk Muda Mohamad Attas, supaya memberi keistimewaan kepada saudagar-saudagar yang mereka sokong. Tindakan mereka telah memberi kesan buruk kepada perhubungan politik di kalangan pembesar-pembesar berkenaan. Salah seorang yang terperangkap dengan keadaan ini ialah Datuk Muda Mohamad Attas sendiri.

Sebagai dimaklumkan sebelum ini, Mohamad Attas adalah pedagang bijih timah yang utama di Melaka. Untuk beberapa tahun beliau menghantar hasil lombongnya ke Syarikat Neubronner. Pada awal bulan Ogos 1844, sebuah firma, iaitu Syarikat Westerhout telah ditubuhkan oleh sekumpulan saudagar Cina yang mempunyai hubungan dengan J.E. Westerhout, anak J.B. Westerhout, Penolong Residen British di Melaka. Syarikat baru ini yang juga menceburkan diri dalam bidang perniagaan bijih timah dan menjadi saingan kepada Syarikat Neubronner.

Untuk memastikan syarikat keluarganya ini berjaya, J.B. Westerhout telah menggunakan kedudukan dan pengaruhnya untuk memujuk Mohamad Attas supaya memindahkan sebahagian daripada dagangannya dengan Syarikat Neubronner kepada syarikat anaknya. Selanjutnya J.B. Westerhout, untuk membantu syarikat baru itu, telah memperkenalkan Chee Yaw Chuan,²⁵ ketua rakan perkongsiannya dengan Mohamad Attas. Syarikat Westerhout kemudian diberikan bahagian dalam perdagangan ini.

Pengaruh J.B. Westerhout tidak dapat bertahan lama kerana Thomas Lewis, ipar Neubronner, tidak lama kemudian telah dilantik sebagai Pemangku Residen Kaunselor Melaka. Lewis serta-merta menulis kepada Mohamad Attas dan 'keadaan berubah lagi'. Akibat perubahan ini kedudukan Datuk Muda Mohamad Attas kononnya menjadi serba salah (Khoo Kay Kim, 1948:134). Menurut Braddell (1874:119) bahawa pembesar (Datuk Muda Mohamad Attas) yang malang itu berasa amat kebingungan tentang bagaimana hendak bertindak tanpa menyinggung perasaan satu pihak atau pihak berkuasa yang lain, dan mungkin juga berasa ketakutan jikalau masalah ini akan membawa kepada konflik antaranya dengan kerajaan British.

Pemulihan Syarikat Neubronner ini amat mengecewakan orang Cina. Pada bulan Ogos 1844, seramai 37 orang saudagar Cina telah membuat rayuan bantahan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dengan menyatakan bahawa kerani di Jabatan Merin, iaitu Joseph Neubronner yang juga bertindak sebagai Penolong Atenden Kanan, telah campur tangan dalam

sistem bebas di pelabuhan Melaka. Siasatan menunjukkan bahawa beliau telah mempengaruhi pedagang-pedagang tempatan supaya memihak kepada syarikat kepunyaan adik-beradiknya. Petisyen ini pada hakikatnya telah menjelaskan bahawa terdapat kakitangan kerajaan yang terlibat. Kerajaan Negeri-negeri Selat terpaksa campur tangan. Semua pihak yang terlibat telah ditegur oleh kerajaan British dan J.B. Westerhout terpaksa menarik keluar anaknya daripada syarikat berkenaan. Pada bulan Ogos 1844, Gabenor Butterworth menulis kepada Mohamad Attas menjelaskan bahawa:

Saya telah melihat beberapa pucuk surat yang dialamatkan kepada sahabat saya oleh Syarikat Neubronner, Joseph Neubronner dan Tuan Lewis tentang perdagangan bijih timah sahabat saya ke Pelabuhan Melaka. Saya juga diberitahu tentang perbualan yang diadakan oleh Tuan Westerhout dengan sahabat saya di muara Sungai Linggi bersama-sama dengan seorang Cina bernama Chee Yaw Chuan, oleh itu, saya telah berutusan dengan sahabat saya untuk memberitahunya bahawa kakitangan kerajaan tidak terlibat dalam perdagangan, selain memberikan perlindungan. Sahabat saya bebas untuk berdagang dengan sesiapa juga yang disukainya tanpa halangan dan cukai yang dikenakan.

(Khoo Kay Kim, 1984:134-5)

Perkara ini tidak tamat di sini sahaja. Perdagangan bijih timah terlampau penting bagi saudagar-saudagar di Melaka. Persaingan antara Syarikat Neubronner dan Chee Yaw Chuan menjadi semakin hebat. Pada peringkat ini, saudagar-saudagar Cina telah menukar taktik. Chee Yaw Chuan yang berpengaruh di Linggi dan Sungai Ujong telah mengeksploitasi perhubungan yang sedia tegang antara Mohamad Attas dengan Datuk Kelana Kawal yang mengakibatkan perselisihan dan konflik antara mereka.

Perhubungan antara kedua-dua pembesar ini mulai retak dalam tahun 1841. Perselisihan faham antara kedua-dua orang kawan ini—penasihat (Mohamad Attas) dan yang dinasihati (Datuk Kelana Kawal) berpunca daripada pencukaian di Sungai Linggi. Mohamad Attas telah mengenakan cukai sebanyak \$2.00 sebahara ke atas bijih timah di Permatang Pasir, tanpa memberikan sebahagian hasil cukai itu kepada Datuk Kelana Kawal. Menurut Abdul Aziz bin Salleh (1973:131) Mohamad Attas bertindak demikian kerana beliau menyedari kedudukannya lebih kuat daripada kewibawaan Datuk Kelana. Datuk Kelana tidak berpuas hati dengan tindakan Mohamad Attas itu. Oleh itu, beliau sendiri telah pergi ke Permatang Pasir untuk memberhentikan pengutipan cukai tersebut. Akibatnya hubungan 'baik' antara Mohamad Attas dengan Datuk Kelana Kawal telah terputus. Maka timbullah perbalahan yang berlarutan sehingga tahun 1844, walaupun tidak melarat kepada peperangan terbuka (Khoo Kay Kim, 1984:52).

Pada akhir tahun 1844, walaupun kerajaan Negeri-negeri Selat menegur semua golongan yang terlibat dalam perdagangan bijih timah di Melaka dan Sungai Linggi, Syarikat Neubronner dan Chee Yaw Chuan terus memberi bantuan dan galakan kepada Datuk Muda Mohamad Attas dan Datuk

Kelana Kawal dengan tujuan untuk mendapatkan monopoli bijih timah dari Linggi. Komplot ini telah sampai ke puncaknya apabila kedua-dua orang pembesar tempatan itu telah diberi bekalan senjata dan hanya campur tangan British sahaja yang mampu menahan konflik itu daripada menjadi perang terbuka (Sherifa Khan, 1986:13). Bagaimanapun, pada sekitar pertengahan tahun 1845, Joseph Neubronner sudah tidak lagi terlibat. Apabila Mohamad Attas merayu kepadanya untuk mendapat bantuan dia dimaklumkan bahawa Joseph Neubronner tidak lagi berkongsi dengan adik-beradiknya dan dia hanya dianggap sebagai pedagang biasa (Khoo Kay Kim, 1984:135).

Untuk lebih kurang 40 tahun berikutnya sejarah Sungai Linggi dan Linggi serta negeri-negeri di sekitarnya dipenuhi dengan 'peperangan' berkala untuk mencari keuntungan daripada cukai ke atas hasil bijih timah yang lalu di sungai tersebut (Gullick, 1949:29). Setiap pembesar cuba menguasai hasil bijih timah di situ. Para pedagang Melaka telah membuat beberapa aduan (iaitu dalam tahun-tahun 1844, 1846 dan 1848) kepada kerajaan British tentang kerugian yang mereka tanggung akibat tuntutan para pembesar berkenaan. Antara mereka yang memungut cukai di Sungai Linggi pada sekitar tahun-tahun tersebut ialah Datuk Muda Mohamad Attas, Datuk Kelana Kawal, Datuk Syahbandar Kulup Tunggal dan Lebai Kulup.

Barangkali orang 'biasa' yang pertama mengenakan cukai ke atas lalu lintas perdagangan di Sungai Linggi ialah Lebai Kulup.²⁶ Dia mula mengutip cukai pada sekitar tahun 1848. Penglibatan Lebai Kulup pada mulanya bukan bertujuan mencari kekayaan atau untuk bersaing dengan Mohamad Attas melainkan untuk membalas dendam terhadap Datuk Kelana Kawal dan orang Sungai Ujong.²⁷ Untuk melaksanakan tujuannya itu, Lebai Kulup telah mendirikan sebuah pos pencukaiian, mula-mula di Pangkalan Kempas dan kemudian di Simpang.²⁸ Sebelum memindahkan pos pencukaiannya itu ke Simpang, Lebai Kulup terlebih dahulu telah menemui Datuk Akhir (1843-72, Penghulu Rembau yang menggantikan Datuk Ngonit²⁹) untuk meminta izin bergiat di Simpang kerana kawasan itu diakui sebagai berada dalam wilayah kerajaan Rembau.³⁰ Adalah dikatakan Penghulu Rembau, Datuk Akhir menyokong perbuatan itu kerana Lebai Kulup telah memberi sebahagian kutipan itu kepadanya (Braddell, 1874). Berikutan dengan ini, dan dengan timbulnya kesukaran-kesukaran lain dalam tahun-tahun berikutnya, Simpang menjadi gelanggang pertentangan politik yang tidak berkesudahan (Khoo Kay Kim, 1972:50; 1984:52).

MOHAMAD SALLEH MENJADI DATUK MUDA LINGGI

Dalam keadaan Sungai Linggi sedang bergelora itu, selepas 30 tahun memerintah Linggi, Datuk Muda Mohamad Attas telah meninggal dunia. Menurut Abdul Aziz Salleh, beliau telah meninggal dunia pada sekitar

tahun 1849 (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:103). Abdul Aziz merumuskan tarikh ini berdasarkan tiga buah manuskrip, iaitu manuskrip 'Membuka Linggi', 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi' dan 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi dan yang Jadi Ketuahaan'. Ketiga-tiga manuskrip ini memberikan Tahun Hijrah 1266 sebagai tahun meninggalnya Mohamad Attas dan tahun ini, mengikut Abdul Aziz adalah bersamaan Tahun Masihi 1849 (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:103 nota kaki 45).

Persoalan yang harus dilihat oleh pengkaji yang akan datang ialah kebenaran pendapat Abdul Aziz menyatakan tahun 1849 sebagai tahun meninggalnya Mohamad Attas. Pada bahagian 'Penutup' Abdul Aziz menyatakan bahawa Penghulu Linggi II, Abdul Rahman telah memerintah Linggi antara tahun 1804 hingga 1820 (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:165). Sebelum itu, berdasarkan manuskrip-manuskrip Linggi, Abdul Aziz menyatakan bahawa Mohamad Attas, Penghulu Linggi III dan Datuk Muda Linggi yang pertama telah memerintah selama 30 tahun.

Satu lagi perkara yang harus diambil kira oleh para pengkaji ialah tentang tahun yang digunakan dalam manuskrip-manuskrip tersebut. Kesemua tarikh yang tercatat di dalamnya adalah dalam Tahun Hijrah. Adakah ini bermakna 30 tahun pemerintahan Mohamad Attas itu juga dikira dalam Tahun Hijrah? Seandainya demikian, apabila ia diberikan persamaan dalam Tahun Masihi, jumlah tahun berkenaan akan menjadi kurang, tidak lagi tahun 1849, tetapi mungkin tahun 1848. Bagaimanapun, untuk setakat ini, tahun yang dikemukakan oleh Abdul Aziz itu mungkin dapat diterima sebagai tarikh meninggalnya Datuk Muda Mohamad Attas sehingga terdapat atau terbukti satu tarikh yang lain.

Mohamad Attas, semasa menjadi pemimpin Linggi, terutama dalam tahun-tahun 1830-an hingga 1840-an, telah memainkan peranan yang penting berkaitan dengan pergolakan politik dan ekonomi, bukan sahaja Linggi dan Sungai Ujong tetapi juga Negeri Sembilan (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:101). Kedudukannya sebagai Datuk Muda Linggi dan peranan yang dimainkannya dalam pergolakan politik dan ekonomi, telah memberinya satu tempat yang istimewa dan teguh dalam sejarah pembangunan Linggi dan Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang yang berwibawa, sehingga penulis-penulis sejarah merumuskan bahawa dalam tahun-tahun 1830-an Datuk Kelana Kawal Sungai Ujong selalu berada di bawah pengaruhnya (Newbold, 1839 (1971): 111-12; Khoo Kay Kim, 1972:46, 1984:48). Oleh sebab besar sekali pengaruh dan kewibawaannya daripada awal hingga pertengahan abad ke-19, Mohamad Attas telah dapat meneguhkan dan meletakkan kewibawaan institusi Orang Besar Linggi pada satu kedudukan yang kukuh dan setara dengan institusi politik negeri-negeri Melayu lain.

Setelah Datuk Muda Mohamad Attas meninggal dunia, Haji Mohamad

Salleh telah dilantik sebagai Datuk Muda Linggi yang baru. Beliau ialah sepupu dan juga menantu Jeragan Abdul Rahman. Justeru itu biras juga kepada Mohamad Attas. Haji Mohamad Salleh, seperti juga Mohamad Attas dan mentuanya Jeragan Abdul Rahman, ialah seorang ahli perniagaan yang kaya.

Pada masa Haji Mohamad Salleh mengambil teraju pemerintahan, keadaan politik Linggi amnya dan kawasan Sungai Linggi khususnya, adalah tidak tenteram. Pada tahun tersebut (1849), Datuk Kelana Kawal juga telah meninggal dunia. Sending telah dipilih menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong yang baru. Dalam tahun yang sama juga satu perbalahan telah terjadi antara Datuk Kelana dengan Datuk Syahbandar Sungai Ujong. Pertelingkahan ini hampir-hampir menjadi satu perang saudara terbuka. Namun, sebelum berlaku pertumpahan darah, konflik itu telah dapat diselesaikan melalui jasa baik Yang Dipertuan Seri Menanti sebagai orang tengah (Sadka, 1970:32; Gullick, 1949:29). Semua pihak yang berkekrisis, termasuk Datuk Muda Linggi telah mencapai persetujuan untuk membahagi sama rata semua hasil yang diperolehi daripada cukai ke atas kapal-kapal dan perahu-perahu serta barang-barang dagangan yang keluar dan masuk Sungai Linggi (Gullick, 1949:29).

Berkaitan dengan peristiwa 1849 ini, Abdul Aziz bin Salleh (1973:103) mungkin telah terkeliru memberi laporan. Beliau menyatakan bahawa dalam tahun 1849 ketika berakhirnya zaman pemerintahan Datuk Muda Mohamad Attas memerintah Linggi, hubungan baik antara Datuk Muda itu dengan Datuk Kelana Kawal telah terputus disebabkan masalah cukai bijih timah di Permatang Pasir.

Ini menunjukkan bahawa pertelingkahan yang berlaku adalah antara Mohamad Attas dan Datuk Kelana Kawal. Menurut Khoo Kay Kim, peristiwa tersebut bukan berlaku pada tahun 1849 tetapi pada tahun 1941. Khoo Kay Kim menyatakan dalam tahun 1841, persahabatan yang ikrab di antara Datuk Kelana Kawal dengan Datuk Muda Attas mulai retak kerana dia mengenakan cukai sebanyak \$2.00 sebahara ke atas bijih timah di Permatang Pasir.

Oleh yang demikian, pertelingkahan pada tahun tersebut adalah antara Datuk Kelana Sending dengan Datuk Syahbandar Kulup Tunggal dan bukan seperti yang dilaporkan oleh Abdul Aziz bin Salleh.

Pada masa pemerintahan Datuk Muda Haji Mohamad Salleh, Nakhoda Lope, mungkin tidak puas hati dengan keputusan Perang Linggi-Rembau dahulu, telah cuba melanggar Linggi sekali lagi. Dalam percubaan kali ini beliau telah dibantu oleh orang Rembau. Nakhoda Lope dan pengikut-pengikutnya telah membina kubu di sebuah solok berhampiran dengan Linggi. Dari kubu tersebut, beliau merancang hendak mengadakan satu serangan mengejut ke atas Linggi. Serangan itu akan dilancarkan pada waktu senja. Serangan itu, bagaimanapun telah gagal dilaksanakan. Haji

Mohamad Salleh dan beberapa orang muridnya, secara kebetulan pada senja berkenaan sedang beratib di sebuah surau selepas sembahyang maghrib. Nakhoda Lope dan pengikut-pengikutnya menyangka Haji Mohamad Salleh dan orang Linggi telah mengetahui tentang rancangannya itu, dan bersedia menanti kedatangan mereka. Justeru itu, mereka telah berundur meninggalkan Linggi³¹ (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:82).

1. Untuk teks perjanjian ini lihat Maxwell dan Gibson, 1924:8-17.
2. Untuk keterangan lanjut tentang aktiviti British di Tanah Melayu dalam masa 'tenang' ini lihat Hall, 1971: 629-40.
3. Untuk keterangan yang agak lanjut tentang Perang Naning ini lihat Cave (1989: 94-157). Bagi mendapat gambaran terperinci, hari demi hari tentang peperangan itu lihat Begbie (1834 (1967): 149-90), 200-60). Lihat juga Braddell (1856: 205-18), Mills (1960: 137-51), dan Abdullah Zakaria bin Ghazali (1977/78: 12-25).
4. Pensejarahan Naning dan Rembau adalah pasti tentang surat yang dikirimkan oleh Abdul Said kepada Raja Ali. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:197; Cave, 1989:143; dan Begbie, 1834 (1967):168.
5. Selain pembesar-pembesar tersebut, Abdul Said juga telah meminta bantuan dan mendapat sokongan daripada dua orang individu, iaitu Encik Ahad dan Encik Mahmud. Kedua-dua orang ini berkuasa di wilayah kaki Gunung Ledang. Bekas Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, yang kebetulan berada di Naning selepas dibuang negeri oleh Inggeris melalui Perjanjian Inggeris-Siam (1826) telah turut memberi sokongan dan bantuan (Begbie, 1834 (1967):168). Temenggung Muar juga telah mengirim orang Segamat untuk menguatkan lagi pasukan pertahanan Naning (Abdullah Zakaria, 1977/78:22).
6. 'Simpang' bererti tempat pertemuan atau percabangan jalan atau sungai. Simpang di sini bermaksud tempat pertemuan antara dua sungai, iaitu Sungai Linggi dengan Sungai Rembau. Mengikut Begbie, Simpang dipilih sebagai tempat pertemuan itu ialah sebagai lambang gabungan atau persekutuan (antara kerajaan Rembau dengan pihak British di Melaka) yang diandaikan akan termeterai di situ (Begbie, 1834(1967):193, nota kaki).
7. Tengku Putih ialah ibu Raja Ali dan seorang wanita yang agresif. Dalam perundingan itu, beliau telah berlagak sebagai 'wakil' kerajaan Rembau dan telah menjadi pembahas utama bagi kerajaan Rembau.
8. *Amongst the party . . . was Inchi Katus . . .* (Begbie, 1834 (1967):197).
9. *. . . often did the Panghooloo Rumbow sally forth in order to concert with Inchi Katus* (Begbie, 1834(1967):197).
10. *The Panghooloo of Rumbow did all in his power 'to obstruct' the negotiations...* Begbie, 1834 (1967):198. Penekanan adalah oleh penyusun.
11. Pada hakikatnya perjanjian 28 Januari 1832 hanya untuk pengesahan perjanjian 30 November 1831. Perjanjian awal itu tidak sah kerana tidak ditandatangani oleh Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Darat, lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:201. Untuk teks perjanjian tersebut lihat Maxwell and Gibson, 1924:45-8. Selepas menandatangani perjanjian tersebut Raja Ali dan Syed Syaaban telah diberi hadiah oleh pihak British kerana 'jasa-jasa' yang mereka curahkan sehingga berjaya membawa kerajaan Rembau ke meja perundingan dan seterusnya menandatangani perjanjian tersebut. Raja Ali telah dihadiahkan senapang

jenama *Joe Manton* laras dua yang tinggi nilainya, dan Syed Syaaban, selepas suatu bacaan ucapan pujian yang panjang berkenaan dengan 'bakat dan keberaniannya menentang pihak British dalam perang (Naning) yang lepas' (sic.) telah dihadiahkan sepasang pakaian kehormatan dan diberi gelaran 'Panglima Besar' (Begbie, 1834 (1967):198).

12. Sungai-sungai yang lain ialah Kesang dan Muar (Begbie, 1834(1967):251).

13. Menurut Cave (1989:153) Naning telah jatuh pada awal bulan Julai 1832.

14. Mulai tahun 1825 hingga pertengahan tahun 1830-an, di Seri Menanti telah berlaku krisis perlantikan Yang Dipertuan Besar. Krisis ini adalah perebutan kuasa di kalangan anak-anak raja daripada keluarga-keluarga diraja tempatan atau/dan antara anak-anak raja daripada keluarga diraja tempatan dengan putera raja yang didatangkan dari Pagarruyung (Raja Labu) oleh penghulu-penghulu Negeri Sembilan, iaitu Rembau, Naning, dan Sungai Ujong. Putera raja tempatan adalah hasil daripada perkahwinan antara ahli keluarga diraja dengan wanita daripada suku tempatan (Khoo Kay Kim, 1984:25). Raja Ali ialah salah seorang daripada putera raja tempatan yang juga mengingini jawatan tersebut.

15. Aktiviti memungut cukai atau 'hasil' daripada orang yang hilir mudik mengikut sungai-sungai di Rembau termasuk Sungai Penajuh (Sungai Linggi—dari kuala ke Simpang) sejak awal abad ke-19, telah dilakukan oleh Datuk Syahbandar Rembau. Hak Datuk Syahbandar telah diberikan kepada Raja Adil apabila beliau dilantik menjadi Yang Dipertuan (Yamtuan) Muda Rembau pada sekitar akhir tahun 1750-an (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:172 dan juga nota kaki hal. 210). Yamtuan Muda Rembau telah terus memungut cukai itu sehingga Raja Ali menjadi Yamtuan. Namun, pada masa Yamtuan Raja Ali, oleh sebab-sebab tertentu tidak dapat menguatkuasakannya. Selepas Raja Ali melantik dirinya sebagai Yamtuan Besar, Syed Syaaban dan anak menantunya, yang dilantiknya menjadi Yamtuan Muda Rembau pada bulan September 1832 telah cuba memulihkan semua aktiviti pencukaian ini (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:205).

16. Mengikut Sherifa Khan, (1986: 12), tempat Syed Syaaban mencukai itu ialah di Permatang Pasir dan bukan di Simpang.

17. Begbie (1934(1967): 410 nota kaki) menyatakan bahawa 'Syed Syaaban sebagai seorang kawan adalah tidak berguna'.

18. Serangan ini bermula pada 15 Jun 1832.

19. Abdul Said dan keluarganya telah berjaya melarikan diri.

20. Terjemahan daripada salinan Begbie, (1834 (1967):411).

21. Dalam Perang Naning II (1832) Syed Syaaban telah meminta daripada dan telah diberi oleh pihak British dua tong bahan letupan atas tujuan untuk merayakan hari ulang tahun perkahwinannya. Kemudian didapati dia hanya memerlukan satu tong sahaja. Tong yang lagi satu telah disimpan di Melaka kerana beliau tiada tempat simpanan yang sesuai. Permohonannya itu telah dipersetujui. Tong yang tersimpan inilah yang dipinta semula oleh Syed Syaaban dalam tahun 1833 apabila berlaku peperangan di Simpang (Begbie, 1834 (1967):411 nota kaki).

22. Percubaan Syed Syaaban hendak membunuh Datuk Ngonit telah membawa perubahan kepada sejarah siasah sistem politik Negeri Sembilan. Datuk Ngonit dan Datuk Kelana Kawal dalam usaha menentang Raja Ali dan Syed Syaaban telah bermuafakat dan sepakat untuk mengiktikandaskan perbilangan 'enggang sama enggang, pipit sama pipit'. Untuk melaksanakan prinsip ini mereka telah sepakat untuk mencalonkan Raja Radin sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti (Wilkinson, 1911:30). (Raja Radin merupakan anak raja tempatan yang pertama dilantik menjadi Yang Dipertuan Seri Menanti yang sebelum itu semuanya dibawa dari istana Pagarruyung). Namun, sebelum perasmian dibuat Raja Radin harus melibatkan diri dalam peperangan menentang Syed Syaaban. Cadangan kedua-dua orang penghulu yang berkuasa atas perlantikan Yang Dipertuan Seri Menanti telah dipersetujui. Kehendak mereka adalah selari dengan hasrat Raja Radin, iaitu menjadi Yang Dipertuan dan peluang untuk menjatuhkan Raja Ali daripada kedudukannya sebagai Yang Dipertuan Besar.

23. Parr dan Mackray (1910:21) memberikan tahun 1834 sebagai tahun tamatnya Perang Linggi-Rembau. Mills (1960:207) pula memberikan tahun 1835.

24. Syed Syaaban telah lari ke Tampin, Raja Ali ke Lukut dan kemudian mendapatkan anak menantunya, Syed Syaaban di Tampin (Parr dan Mackray, 1910:21). Sumber tempatan, mengikut catatan Wilkinson (1911:31) memberikan huraian yang berbeza tentang pengunduran Raja Ali ini.

(a) Raja Ali telah lari ke Lubuk Cina, kemudian ke Simpang Linggi dan akhirnya ke Melaka.

Syed Syaaban telah berundur ke Tampin.

(b) Raja Ali berundur ke Tampin dan Syed Syaaban lari ke Melaka.

Selepas perang Linggi-Rembau itu tamat, Raja Ali tidak dapat memulihkan pengaruhnya dan telah meninggal dunia di Keru, Tampin pada tahun 1856 (Khoo Kay Kim, 1984:42). Tetapi Parr dan Mackray (1910:13) memberikan tahun kematiannya sebagai 1850. Dengan tamatnya Perang Linggi-Rembau ini maka institusi Yang Dipertuan Muda Rembau berserta Yang Dipertuan Besar Rembau pun turut hilang. Ada usaha untuk menghidupkan institusi Yang Dipertuan Muda dalam tahun 1834 (oleh Syed Syaaban sendiri) dan dalam tahun 1873 (oleh anak Syed Syaaban, Syed Hamid), tetapi tidak berjaya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:213).

25. Chee Yaw Chuan ialah anak Chee Kim Guan, iaitu salah seorang daripada dua orang Cina (yang seorang lagi So Guan Chuan) yang dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Cina Singapura pertama pada tahun 1837, di samping menjadi salah seorang daripada 36 orang ahli pengasas kumpulan rahsia Cina, Keng Tek Hoey (Khoo Kay Kim, 1984:89). Chee Yaw Chuan telah dilahirkan di Melaka. Ketika berumur 21 tahun beliau telah dipilih sebagai ketua masyarakat Hokkien di Melaka. Beliau menjadi penanam buah pala di Melaka dan Singapura di samping menjadi spekulator dalam Syarikat Leack, Chin Seng and Co., Chop Hiap Hin di Jalan Pasar, Singapura. Chee Yaw Chuan mempunyai hubungan yang luas dengan orang besar Melayu. Beliau ialah salah seorang pemberi hutang yang utama kepada Sultan Muhammad Selangor (yang berhutang sebanyak \$169,000 dalam tahun 1846). Raja Bot, cucu Sultan Muhammad, pernah tinggal bersamanya di Melaka selama setahun (1860-1). Beliau mati dalam tahun 1862 (Khoo Kay Kim, 1984:68).

26. Lebai Kulup telah dilahirkan di Rembau tetapi menetap di Linggi. Beliau ialah ipar Haji Mohamad Salleh seorang waris Datuk Syahbandar Sungai Ujong dan mempunyai hubungan persaudaraan dengan Mohamad Attas, Datuk Muda Linggi.

27. Lebai Kulup bermusuhan dengan Datuk Kelana atas dua sebab (dendam) utama:

(a) orang Sungai Ujong telah membunuh empat orang Cina yang berhutang kepadanya menyebabkan beliau kerugian kira-kira \$4,000. Datuk Kelana telah berjanji hendak membayar separuh daripada jumlah itu sebagai ganti rugi tetapi tidak berbuat demikian.

(b) isteri Lebai Kulup, Tabau telah dirompak semua hartanya dalam perahu dan kemudian diperkosa semasa pergi ke Permatang Pasir, dalam perjalanan pergi melawat saudaranya (Datuk Muda Mohamad Attas). Sekali lagi beliau merayu kepada Datuk Kelana untuk mendapatkan ganti rugi; dan sekali lagi Datuk Kelana tidak berbuat apa-apa.

Dengan sebab itu, beliau memutuskan untuk menebus kerugian dan rasa malunya itu sebanyak sepuluh kali ganda dengan mengenakan cukai ke atas perdagangan Sungai Ujong.

28. Mengikut laporan Sherifa Khan (1986:14) pos cukai Lebai Kulup terletak di Pangkalan Kempas tanpa menyatakan bahawa kemudian dia beralih ke Simpang. Lihat juga Khoo Kay Kim (1984: 159-60 nota kaki 39).

29. Datuk Lela Maharaja Ngonit, penghulu Rembau telah meninggal dunia pada tahun 1843. Beliau telah digantikan oleh Datuk Sedia Raja Akhir.

30. Simpang adalah petempatan yang dibuka oleh Raja Aman (Daing Alampaki), ayah Yang Dipertuan Muda Rembau, Raja Ali, pada sekitar tahun 1774. Petempatan ini kemudian telah menjadi perkampungan yang ramai penduduknya. Pada kira-kira tahun 1784, pihak Belanda yang sedang membina benteng pertahanan Fort Filipina di Kuala Linggi telah menghantar dua buah kapal layar kecil memusnahkan perkampungan tersebut. Sejak itu,

Simpang tidak lagi didiami oleh orang dan telah dinaiki hutan semula. Dalam bulan Januari 1832 sebahagian daripada kawasan Simpang itu dibersihkan oleh pihak British. Tujuannya adalah untuk menyediakan tempat bagi mengadakan pertemuan antara Ibbetson dengan para pembesar Rembau. Pemulihan semula tempat itu kemudiannya diteruskan oleh orang Rembau, walaupun tidak seluas petempatan asal. Raja Ali dan Raja Korun, saudara rapat Yang Dipertuan Muda Jelebu, telah membuat tempat kediaman di situ (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:235).

31. Menurut Abdul Aziz bin Salleh (1973:82 nota kaki 13) cerita ini telah diperolehinya daripada Haji Zainuddin bin Hussein, seorang yang berasal dari Linggi, berumur 93 tahun (pada tahun 1973) dan pada masa Abdul Aziz menemuinya, beliau bertugas sebagai Imam di Kampung Ulu Temiang, Seremban (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:x). Cerita ini telah menjadi pengetahuan umum di Linggi. Petempatan atau solok di mana kubu itu dibina dikenali sebagai 'Solok Nakhoda Lope'.